



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN PENCEGAHAN RASUAH

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2026-2028





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELAN PENCEGAHAN RASUAH

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2026 - 2028

ISBN 978-629-7697-03-1



MOH/T/UI/1.25(BP)-e

Hak cipta ©2025 Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan oleh:

Kementerian Kesihatan Malaysia

Unit Integriti

Aras 5, Blok E3, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Penafian: Penerbitan semula dan pengedaran, secara keseluruhan atau sebahagian dokumen ini oleh mana-mana institusi bukan berasaskan keuntungan, penyelidikan atau pendidikan untuk penggunaan sendiri adalah dibenarkan, dengan syarat pengiktirafan yang sewajarnya dinyatakan dengan hak cipta “Kerajaan Malaysia” diperakui.

KANDUNGAN

Perutusan Menteri Kesihatan	i
Kata Alu-aluan Timbalan Menteri Kesihatan	iii
Penyataan Komitmen Ketua Setiausaha	v
Penyataan Komitmen Ketua Pengarah Kesihatan	vii
Prakata Ketua Unit Integriti	ix
Singkatan	xi
Ringkasan Eksekutif	xii

BAB 1: PENGENALAN

1

Latar Belakang	2
Pencapaian Tatakelola	7
Isu dan Cabaran	9
Bidang-bidang Berisiko	16
Keperluan Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi (OACP)	17

BAB 2: PENGUKUHAN TATAKELOLA, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

19

Pengurusan Risiko Rasuah	20
Kerangka Pelan Pencegahan Rasuah	24
Keutamaan Strategi	28
Pelan Tindakan Mengikut Bidang Keutamaan	30

BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

41

Mekanisme Pelaksanaan, Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	42
---	----

BAB 4: PENUTUP

45

Kesimpulan	46
Penghargaan	47

PERUTUSAN MENTERI KESIHATAN

Kerajaan MADANI sentiasa menekankan kepentingan pengamalan tatakelola baik dalam membina sebuah Kerajaan yang cekap, adil dan berintegriti. Komitmen kita jelas, memastikan sistem pentadbiran negara bergerak dengan efisien berasaskan prinsip akauntabiliti dan ketelusan, agar rakyat menerima manfaat sepenuhnya.

Sejajar dengan usaha memperkukuh tatakelola di Kementerian, Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 telah dibangunkan sebagai panduan menyeluruh untuk memperkasa nilai integriti serta memastikan pengurusan yang telus, bertanggungjawab dan bebas daripada salah laku.

Nilai integriti adalah teras yang mesti disemat dalam jiwa setiap warga kerja. Hanya dengan integriti yang kukuh, kita mampu mewujudkan sistem dan tatakelola yang berkesan, meninggalkan amalan lapuk, serta melaksanakan reformasi institusi secara berterusan dan sedaya upaya untuk membanteras gejala rasuah, musuh utama pembangunan negara.

Oleh itu, setiap warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab memastikan nilai integriti dan amalan tatakelola baik dipraktikkan di seluruh organisasi. Rasuah mesti ditolak sepenuhnya kerana ia mencemar kredibiliti KKM sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan utama negara.

Justeru, marilah kita bersama-sama memperkukuh budaya integriti dan memerangi rasuah demi memastikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik, berkesan dan berwibawa dapat terus diberikan kepada rakyat Malaysia.

YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD
Menteri Kesihatan



“ Nilai integriti adalah teras yang mesti disemat dalam jiwa setiap warga kerja. Hanya dengan integriti yang kukuh, kita mampu mewujudkan sistem dan tatakelola yang berkesan, meninggalkan amalan lapuk, serta melaksanakan reformasi institusi secara berterusan dan sedaya upaya untuk membanteras gejala rasuah, musuh utama pembangunan negara. ”

KATA ALU-ALUAN TIMBALAN MENTERI KESIHATAN

Agenda pengukuhan integriti sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan MADANI. Dalam landskap kesihatan negara yang menjadi nadi kesejahteraan rakyat, integriti bukan sekadar nilai tetapi merupakan asas kepercayaan masyarakat terhadap sistem kesihatan awam. Sebagai penjaga barisan hadapan, keupayaan Kementerian untuk mengekalkan keyakinan rakyat, bergantung sepenuhnya kepada ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 ini adalah panduan strategik kepada warga Kementerian bagi memperkukuh budaya kerja yang berintegriti. Dengan pelaksanaan Pelan ini, matlamat KKM untuk terus menjadi sebuah organisasi yang diyakini rakyat, bersih daripada amalan rasuah, serta cemerlang dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti akan tercapai, Insya Allah.

Justeru, setiap warga KKM hendaklah menerapkan integriti sebagai asas dalam setiap tindakan, demi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan di negara ini kekal mematuhi prinsip tatakelola yang baik.

Semoga usaha ini diberkati dan memberikan impak yang positif serta mengangkat martabat KKM ke tahap yang lebih tinggi, selari dengan aspirasi Kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang berintegriti, telus dan berakauntabiliti.

YB DATO LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
Timbalan Menteri Kesihatan



“ Dalam landskap kesihatan negara yang menjadi nadi kesejahteraan rakyat, integriti bukan sekadar nilai tetapi merupakan asas kepercayaan masyarakat terhadap sistem kesihatan awam. ”

PENYATAAN KOMITMEN KETUA SETIAUSAHA

“Toleransi Sifar Terhadap Rasuah” merupakan visi yang perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap warga KKM. Oleh itu, setiap warga KKM hendaklah memastikan proses kerja yang dilaksanakan mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa. Nilai dan kod etika baik mestilah diamalkan demi mewujudkan persekitaran yang baik dan budaya kerja cemerlang di Kementerian.

Pelaksanaan Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 ini akan menjadi kesinambungan kepada hasrat YB Menteri Kesihatan dalam menolak amalan rasuah serta salah laku yang boleh menyebabkan kepincangan dalam sistem penyampaian kesihatan negara.

Warga KKM hendaklah beriltizam untuk memberikan komitmen sepenuhnya bagi melaksanakan inisiatif seperti yang telah digariskan dalam Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 ini. Pematuhan terhadap Pelan ini amat penting bagi mencegah potensi berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam Kementerian.

Pembudayaan nilai integriti ini diharap akan melahirkan warga KKM yang berintegriti tinggi demi memastikan Kementerian bebas dari sebarang perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

YBHG. DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

“ Setiap warga KKM hendaklah memastikan proses kerja yang dilaksanakan mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa. ”



PENYATAAN KOMITMEN KETUA PENGARAH KESIHATAN

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited dalam mengekang gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dari terus menular khususnya di fasiliti kesihatan KKM. Akses kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan yang telus dan berakauntabiliti merupakan aspirasi yang sentiasa didukung demi kesejahteraan rakyat.

Ketersediaan KKM untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan kes-kes yang melibatkan kakitangan di bawah sektor perubatan KKM, jelas menunjukkan komitmen KKM dalam memperkukuh keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap sistem kesihatan negara.

Keseluruhan warga kerja kesihatan akan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga KKM supaya sentiasa menunjukkan kredibiliti yang tinggi agar tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan penuh amanah dan berintegriti tinggi.

YBHG. DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB
Ketua Pengarah
Kementerian Kesihatan Malaysia

“ Akses kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan yang telus dan berakauntabiliti merupakan aspirasi yang sentiasa didukung demi kesejahteraan rakyat. ”



PRAKATA KETUA UNIT INTEGRITI

Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 merupakan dokumen hidup (*living document*) pelan tindakan yang merangkumi strategi dan inisiatif bagi memperkasa agenda pengukuhan integriti dan tatakelola baik di peringkat Kementerian. Pelan ini bertindak sebagai panduan kepada warga KKM dalam mengamalkan budaya kerja berintegriti, telus dan beretika.

Keterlibatan semua pihak dalam penyediaan Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 merupakan cerminan komitmen bagi merealisasikan pembudayaan integriti secara inklusif di KKM. Penetapan objektif Pelan ini adalah selaras dengan komitmen KKM iaitu "Toleransi Sifar Terhadap Rasuah". Kerangka dan strategi Pelan yang dimuktamadkan telah disesuaikan dengan matlamat Kementerian ke arah sebuah organisasi yang bebas rasuah.

Setiap inisiatif yang dibangunkan merupakan hasil dari input penarafan risiko yang telah dikenal pasti dan seterusnya dijadikan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mencapai sasaran mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pemantauan akan dilakukan secara berkala untuk memastikan inisiatif yang dibangunkan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Akhir kata, saya berharap agar seluruh warga KKM dapat mematuhi dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dibangunkan dalam Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 dengan penuh kesungguhan. Pematuhan terhadap Pelan ini pastinya akan menghasilkan impak yang positif kepada budaya kerja KKM dan seterusnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat, Insya Allah.

TN. HJ. ABDUL RAZAK DERAOF
Ketua Unit Integriti
Kementerian Kesihatan Malaysia

“ Pelan Pencegahan Rasuah
Kementerian Kesihatan Malaysia
2026-2028 merupakan ‘*living
document*’ yang merangkumi
strategi dan inisiatif bagi
memperkasa agenda pengukuhan
integriti dan tatakelola baik di
peringkat Kementerian
”



SINGKATAN

BA	Bahagian Akaun
BKRP	Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
BPb	Bahagian Pembangunan
BPKOM	Bahagian Pembangunan Kompetensi
BPKj	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
BPL	Bahagian Pengurusan Latihan
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPP	Bahagian Perkembangan Perubatan
BPPs	Bahagian Perolehan dan Penswastan
BSKB	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
BSM	Bahagian Sumber Manusia
BKP	Bahagian Kawalan Penyakit
CeIO	<i>Certified Integrity Officer</i>
CRM	<i>Corruption Risk Management</i>
CPI	<i>Corruption Perceptions Index</i>
EAIC	<i>Enforcement Agency Integrity Comission</i>
IIM	Institut Integriti Malaysia
JKKTN	Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri

JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JTK	Jawatankuasa Tatakelola
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPW	Kad Perakam Waktu
LSPRM	Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
NACS	<i>National Anti-Corruption Strategy</i>
NFA	<i>No Further Action</i>
PKKM	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
PPF	Program Perkhidmatan Farmasi
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SUB	Setiausaha Bahagian
THB	Tidak Hadir Bertugas
TKPK	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
OACP	<i>Organisational Anti-Corruption Plan</i>
UI	Unit Integriti

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 dibangunkan selaras dengan komitmen untuk memantapkan tatakelola, integriti dan pembanterasan rasuah dalam sistem tadbir urus Kerajaan berdasarkan pelaksanaan Strategi Pencegahan Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategy* (NACS) 2024-2028.

Pembangunan Pelan ini merupakan kehendak mandatori di bawah Strategi NACS “Strategi 2 Substrategi 18: Mewajibkan sektor awam membangunkan langkah pencegahan rasuah berdasarkan penilaian risiko rasuah dengan bantuan SPRM”.

Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 telah dihasilkan dengan penglibatan komitmen daripada 29 Bahagian di Kementerian yang mengandungi keseluruhan **22 inisiatif**, bagi memperkasa pembudayaan prinsip integriti dan tatakelola baik seiring dengan visi **“Toleransi Sifar Terhadap Rasuah”**.

Pelan ini berteraskan **tiga (3) bidang keutamaan iaitu Tatakelola, Kewangan dan Penguatkuasaan**. Bidang keutamaan ini adalah tonggak kepada setiap inisiatif yang terkandung di dalam Pelan serta meliputi keseluruhan proses kerja di setiap peringkat KKM.

Selain itu, pelaksanaan tindakan yang digariskan di dalam Pelan ini akan dipantau secara berterusan melalui Jawatankuasa Penyelarasan Prestasi Pelan Antirasuah KKM yang diselaraskan oleh Unit Integriti. Usaha kolektif daripada semua pihak dilihat penting dalam memastikan pematuhan kepada pelaksanaan Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028, agar dapat menghasilkan impak yang disasarkan dan bagi menginstitusikan budaya kerja berintegriti di KKM.



“

*Agenda memerangi
ancaman rasuah sebagai musuh
nombor satu negara akan menjadi
tumpuan utama.*

”

- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim,
semasa sesi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim
terima mengadap YBhg. Tan Sri Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM
di Istana Negara pada 1 April 2024

BAB 1

Pengenalan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan sebuah kementerian yang menyediakan perkhidmatan kesihatan yang intensif, bersepadu dan responsif bagi memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta menyeluruh dapat dimiliki oleh segenap lapisan masyarakat di dalam negara.

Penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara pada awal tahun 2020 telah menghasilkan anjakan paradigma kepada KKM untuk memperhebat penyampaian perkhidmatan kesihatan secara drastik. Lanjutan itu, KKM telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memperkukuh sistem kesihatan sedia ada agar tanggapan mengenai perkhidmatan 'perawatan sakit' yang dikendalikan sebelum ini, ditransformasikan kepada sistem kesihatan yang memenuhi keperluan masyarakat untuk kekal sihat dan sejahtera.

Sehingga kini, keupayaan kepakaran dan kemudahan perubatan di fasiliti-fasiliti KKM bagi penyediaan akses penjagaan kesihatan merangkumi pencegahan, rawatan dan pemulihan kepada pesakit telah mendapat pengiktirafan di persada antarabangsa.

KKM bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh serta



mampan agar kemudahan kesihatan seperti bekalan ubat dan kelengkapan perubatan tidak membebankan rakyat. Dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi, pengurusan agihan sumber yang cekap dan efektif membantu KKM meringankan kos untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan kepada rakyat.

Kecemerlangan KKM dalam menerajui sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan telah menjadikan KKM sebagai institusi kesihatan primer negara yang akan sentiasa menawarkan perkhidmatan terbaik, berkualiti serta adil kepada rakyat Malaysia.



VISI

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.



OBJEKTIF

Untuk membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik.




MISI


Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
 - mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- ii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
 - mengutamakan pelanggan
 - saksama
 - tidak membebankan
 - cekap
 - wajar mengikut teknologi
 - boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - inovatif
- iii. dengan menekankan:
 - sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - sifat menghormati maruah insan
 - penglibatan masyarakat

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Tarikh kemaskini: 06 November 2025



PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH



PELANGGAN DALAMAN

- Anggota KKM



PELANGGAN LUARAN

- Pesakit
- Orang awam




PEMEGANG TARUH

- Sektor Awam
- Sektor Swasta
- Pertubuhan Bukan Kerajaan
- Organisasi Antarabangsa

PENCAPAIAN TATAKELOLA

PENARAFAN SEMULA RISIKO

Berdasarkan penarafan semula risiko yang dilaksanakan oleh SPRM pada tahun 2023, KKM telah dikategorikan sebagai risiko sederhana, yang menunjukkan penurunan taraf dari tahap risiko tinggi pada tahun 2020. Pencapaian ini jelas memperlihatkan komitmen KKM dalam menjalankan usaha-usaha secara berterusan bagi mencegah sebarang perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan seterusnya melonjakkan imej positif Kementerian.



ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA)



AIGA 2023



AIGA 2025

Penyertaan KKM dalam Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) tahun 2023, telah membawa kepada kejayaan dalam memperoleh Anugerah Emas.

Pencapaian tersebut diperkukuhkan apabila KKM sekali lagi berjaya merangkul Anugerah Emas Sektor Awam pada tahun 2025. Anugerah berprestij ini telah disempurnakan penyampaian oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara dalam Majlis Amanat Perdana Integriti Nasional (MAPIN) serta Majlis Anugerah AIGA 2025 pada 22 Oktober 2025.


Kejayaan demi kejayaan ini membuktikan bahawa KKM sentiasa teguh dan beriltizam tinggi dalam membudayakan pengurusan amalan integriti, tatakelola baik dan antirasuah. Usaha ini adalah sejajar dan seiring dengan aspirasi Kerajaan untuk memacu negara mencapai kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index - CPI*) global menjelang tahun 2033.



ISU DAN CABARAN

PERINGKAT NASIONAL

Usaha pembanterasannya rasuah dan salah laku di Malaysia berhadapan dengan isu dan cabaran yang mampu merencatkan agenda pembudayaan integriti serta amalan baik untuk dilaksanakan dalam sistem tadbir urus Kerajaan. Kajian komprehensif terhadap cabaran rasuah dalam tatakelola dilihat penting bagi merangka dasar dan strategi yang berkesan seterusnya memastikan pelaksanaan program advokasi antirasuah mendapat impak yang diinginkan.



CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX 2024

● MALAYSIA

SKOR:

50/100

KEDUDUKAN:

57/180

*tidak berubah sejak tahun 2023

Cabaran Dalam Pelaksanaan Strategi Antirasuah

01

Campur tangan urusan Kerajaan oleh pihak yang mempunyai agenda tersembunyi



Saluran media sosial menyebarkan maklumat salah untuk mempengaruhi pandangan umum

02

03

Agenda antirasuah seringkali dianggap tanda simbolik dan bukannya usaha substantif



Terhakisnya prinsip etika dan integriti menyebabkan kepercayaan terhadap tadbir urus Kerajaan menurun

04

05

Kurangnya keazaman ahli politik dalam melaksanakan strategi antirasuah



* Petikan dari NACS 2024-2028

PERINGKAT KEMENTERIAN


Data perjawatan KKM sehingga 30 Jun 2025, menunjukkan jumlah pengisian bagi jawatan tetap dan lantikan kontrak adalah sebanyak 302,208. Jumlah ini merangkumi keseluruhan anggota KKM di bawah 86 skim perkhidmatan iaitu 21 skim perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan 65 skim perkhidmatan lain.

Sebagai sebuah kementerian yang kompleks, pengurusan tatakelakuan anggota KKM merupakan satu cabaran besar yang memerlukan komitmen tinggi dan berterusan daripada setiap Ketua Jabatan, khususnya dalam memantau dan mengawal pegawai di bawah seliaan.


Statistik Laporan SPRM Dan EAIC KKM Tahun 2019-2025




Statistik Kes Tatatertib KKM Tahun 2021 - 2025



Statistik Jenis Kesalahan Tatatertib KKM Tahun 2021 - 2025




Statistik Kes Pengesanan Dan Pengesahan KKM Tahun 2022 - 2025



Statistik Status Kes Pengesanan Dan Pengesahan KKM Tahun 2022 - 2025

STATUS KES	2022	2023	2024	2025
SPRM	-	-	1	1
TATATERTIB	3	4	1	-
SURAT TEGURAN	8	11	4	1
PENAMBAHBAIKAN	10	9	4	-
NFA	11	18	12	2
DALAM SIASATAN	-	-	6	16

Statistik Bilangan Aduan Integriti KKM Tahun 2021 - 2025



Statistik Status Aduan Integriti KKM Tahun 2021 - 2025

STATUS ADUAN INTEGRITI	2021	2022	2023	2024	2025
Aduan Tidak Berasas	113	106	117	75	9
Aduan Berasas	74	54	96	51	7
Pertanyaan/Lain-lain/NFA	48	142	146	240	253
Dalam Tindakan	6	2	47	62	43

Statistik Kategori Aduan Integriti KKM Tahun 2021 - 2025

Kategori Aduan Integriti	TATAKELAKUAN	2021	2022	2023	2024	2025
		121	185	258	222	212
	PELANGGARAN ETIKA/ORGANISASI	2021	2022	2023	2024	2025
		104	114	136	194	88
	JENAYAH	2021	2022	2023	2024	2025
		16	5	12	12	12

Statistik Aduan Sistem MyHELP KKM Tahun 2022 - 2025

543 aduan Sistem MyHELP

4

aduan mempunyai unsur buli dan didapati berasas




539

aduan pelbagai (contohnya isu perkhidmatan, naik pangkat, pertukaran, kepincangan pengurusan, komunikasi dan lain-lain)

BIDANG-BIDANG BERISIKO

Terdapat tiga (3) bidang keutamaan yaitu tatakelola, keuangan dan penguatkuasaan yang perlu diberi tumpuan atas keberangkalan risiko tinggi berlakunya ketidakaturan atau pelanggaran prosedur berkaitan bidang tersebut. Potensi risiko kelemahan dan ketirisan tatakelola, integriti dan antirasuah serta faktor-faktor yang mempengaruhi setiap risiko tersebut, telah dikenalpasti melalui proses penilaian Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management* (CRM) yang menghasilkan pelan tindakan pencegahan bagi menutup ruang dan peluang terhadap perlakuan salah laku, penyelewengan dan rasuah di Kementerian.

BIDANG RISIKO



01



TATAKELOLA

02



KEWANGAN

03



PENGUATKUASAAN

KEPERLUAN MEMBANGUNKAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI (OACP)

Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 dibangunkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023, Siri 2 No.2 Tahun 2024 - Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional dan NACS 2024-2028.

Strategi dan inisiatif yang dibangunkan di dalam Pelan ini merangkumi aspek pengukuhan tatakelola, integriti dan antirasuah melibatkan bidang dan aktiviti utama di Kementerian.

Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2026-2028 amat penting supaya Kementerian dapat mengurus potensi risiko rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan dengan lebih berstrategik ke arah mencapai visi **'Toleransi Sifar Terhadap Rasuah'**.



“

*Banyak negara dianugerahi
rahmat Ilahi dengan pelbagai sumber
kekayaan, tetapi kerana rasuah, ada negara
yang terbenam dalam kemelut kemunduran,
ada negara yang tertimbus dalam
lumpur kemiskinan.*

”

- Titah DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
Al-Maghfur-Lah semasa sesi pelancaran buku
Korupsi Dan Kemunafikan Dalam Politik
Melayu: Perlunya Disegerakan
Transformasi Moral-Etika

BAB 2

PENGUKUHAN TATAKELOLA, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Matlamat utama menangani risiko adalah untuk menentukan tindakan intervensi yang bersesuaian dengan halangan yang dihadapi dalam mencapai sasaran dan objektif yang telah ditetapkan. Pengenalpastian risiko juga dilihat penting bagi mengatasi kebarangkalian risiko baharu yang berpotensi akan menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan imej KKM secara keseluruhan.

Pemantauan dan penilaian ke atas risiko rasuah telah dilaksanakan melalui Bengkel Penilaian CRM pada 8 hingga 10 Mei 2024 dengan khidmat advokasi daripada SIRIM STS serta pada 28 Julai hingga 1 Ogos 2025 dengan khidmat advokasi daripada Institut Integriti Malaysia (IIM). Kedua-dua bengkel telah diadakan dengan penglibatan lebih 29 Bahagian daripada keseluruhan 8 Program di KKM.



Bilangan Risiko Rasuah Mengikut Program/ Bahagian di Ibu Pejabat KKM

Program/ Bahagian/ Unit	Tahap Risiko				Jumlah Risiko
PENGURUSAN					
Bahagian Perolehan dan Penswastaan	-	-	2	1	3
Bahagian Sumber Manusia	-	-	4	-	4
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa	-	4	-	-	4
Bahagian Khidmat Pengurusan	-	3	2	2	7
Bahagian Pembangunan Kompetensi	-	-	9	-	9
Bahagian Pengurusan Latihan			3	1	4
Cawangan Audit Dalam	-	6	-	-	6
Unit Komunikasi Korporat	-	8	-	1	9
Unit Integriti	-	4	-	5	9
KEWANGAN					
Bahagian Pembangunan	-	2	1	3	6
Bahagian Kewangan	-	2	-	-	2
Bahagian Akaun	-	-	1	-	1
Bahagian Pengurusan Maklumat	-	5	-	-	5
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan	-	-	2	1	3
KESIHATAN AWAM					
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga	-	4	2	-	6
Bahagian Kawalan Penyakit	-	2	-	-	2
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam	-	4	1	-	5
Bahagian Pendidikan Kesihatan	-	2	-	-	2
Bahagian Pemakanan	-	-	-	1	1

Program/ Bahagian/ Unit	Tahap Risiko				Jumlah Risiko
PERUBATAN					
Bahagian Perkembangan Perubatan	-	-	1	-	1
Bahagian Amalan Perubatan	-	3	4	-	7
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu	-	-	-	-	0
Bahagian Kejururawatan	-	4	-	-	4
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari	1	2	-	-	3
PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL					
Bahagian Perancangan	-	1	1	-	2
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan	-	8	-	-	8
KESIHATAN PERGIGIAN					
Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian	1	1	-	1	3
PERKHIDMATAN FARMASI					
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi	-	2	-	-	2
KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN					
Bahagian Pemuatan dan Pembangunan Industri	-	5	-	-	5
JUMLAH	2	72	33	16	123

Tahap Risiko Keterangan

TINGGI

Risiko dengan kesan tinggi dan kemungkinan kejadian yang tinggi. Kawalan tidak berkesan atau penyebabnya adalah dari faktor luaran. Perancangan tindakan risiko segera yang diperlukan untuk mengurangkan pendedahan risiko.

SIGNIFIKAN

Risiko keutamaan dengan impak tinggi dan kemungkinan kejadian yang tinggi. Rancangan tindakan risiko yang diperlukan untuk mengurangkan pendedahan risiko jika perlu.

SEDERHANA

Risiko sederhana dan rendah dianggap risiko yang dapat dikendalikan di mana kawalan berfungsi sebagaimana sepatutnya atau risiko yang wujud sudah pada tahap yang sederhana.

RENDAH

Tidak diperlukan rancangan tindakan risiko. Pemantauan keberkesanan kawalan secara berterusan adalah penting.



Pengurusan Risiko
Rasuah (CRM) KKM

KERANGKA PELAN PENCEGAHAN RASUAH



VISI

Membudayakan amalan tatakelola berintegriti, profesional dan toleransi sifar terhadap rasuah



MISI

Memperkukuh prinsip akauntabiliti dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat

MATLAMAT



01

Mempertingkatkan pematuhan terhadap peraturan dan dasar yang berkuatkuasa

02

Menerapkan budaya kerja profesionalisme, cemerlang dan berintegriti

03

Mengurangkan aduan dan kes berkaitan perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran tatakelakuan

BIDANG KEUTAMAAN



TATAKELOLA

KEWANGAN

PENGUATKUASAAN



STRATEGI



01

Menginstitutionalkan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam penyampaian perkhidmatan

02

Mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan kewangan dan perolehan

03

Memperkukuh akauntabiliti dan profesionalisme dalam penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan

3

BIDANG KEUTAMAAN



TATAKELOLA



KEWANGAN



PENGUATKUASAAN



03

STRATEGI



05

**OBJEKTIF
STRATEGIK**



22

INISIATIF

**JANGKA
MASA**

1 TAHUN

04

INISIATIF

2 TAHUN

04

INISIATIF

3 TAHUN

14

INISIATIF

KEUTAMAAN STRATEGI

Keutamaan strategi menetapkan fokus utama Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 melalui kaedah penganalisan matriks empat kuadran, yang mengklasifikasikan inisiatif mengikut tahap impak dan kerumitan pelaksanaan. Inisiatif yang digariskan merangkumi spektrum tindakan yang berbeza-beza, daripada inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti rendah sehinggalah kepada inisiatif berimpak rendah dan kompleksiti tinggi. Pendekatan berstrategi ini bagi memastikan tumpuan ditujukan kepada inisiatif utama, bagi menjamin impak tertinggi dalam mengukuhkan tatakelola, integriti dan pencegahan rasuah di KKM.

KUADRAN A

Inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti rendah

KUADRAN B

Inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti tinggi

KUADRAN C

Inisiatif berimpak rendah dan kompleksiti rendah

KUADRAN D

Inisiatif berimpak rendah dan kompleksiti tinggi

INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
01 Membangunkan Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM bagi memperkuat mekanisme permohonan dan meningkatkan pematuan warga KKM terhadap Tatacara Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam.	B	1.1.2
02 Membangun dan menguatkuasa Garis Panduan Pusingan Kerja (<i>Job Rotation</i>) di Kementerian yang telus dan strategik bagi mengurangkan risiko terhadap salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencegah amalan pilih kasih (<i>favoritisme</i>).	A	1.2.1
03 Memperkenal dan melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) KKM secara strategik bagi melahirkan lebih ramai pegawai akreditasi CeIO di peringkat Kementerian, seterusnya memperkuat budaya kerja berintegriti di kalangan warga KKM.	A	1.2.2
04 Memperkasa sistem permohonan Tabung Bantuan Perubatan secara atas talian bagi memudahcara dan mengurangkan birokrasi dalam proses pembiayaan bantuan serta menghapuskan risiko penyalahgunaan kuasa atau ketirisan dana dalam pengurusan pembiayaan bantuan.	A	2.1.1
05 Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan permohonan dalam talian yang bersepadu bagi semua urusan permohonan lesen, permit, dan kebenaran di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, dengan matlamat untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan farmasi.	B	3.1.3

PELAN TINDAKAN MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 1



TATAKELOLA



01

STRATEGI



03

**OBJEKTIF
STRATEGIK**



13

INISIATIF

**JANGKA
MASA**

1 TAHUN

03

INISIATIF

2 TAHUN

02

INISIATIF

3 TAHUN

08

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN

Tatakelola

STRATEGI 1

Menginstitusikan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam penyampaian perkhidmatan.

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

Memperkukuh tatakelola dan kawalan dalaman bagi meningkatkan kepatuhan serta akauntabiliti terhadap peraturan yang berkuatkuasa.

INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.1.1 Menyemak dan menambah baik Polisi Antirasuah KKM Tahun 2019 merangkumi: • Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan; • Polisi Rujukan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar; • Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan; • Polisi Pengurusan Hadiah; dan • Kod Etika dan Tatakelakuan.	UI	1 tahun (2026)
1.1.2 Melaksanakan semakan semula dan penambahbaikan terhadap Garis Panduan Penyimpanan Dokumen, Garis Panduan Penyerahan Dokumen, Prosedur Operasi Standard dan Tatacara Penyerahan dan Penyebaran Dokumen Kurikulum.	BPL	2 tahun (2026-2027)
1.1.3 Membangunkan Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM bagi memperkukuh mekanisme permohonan dan meningkatkan pematuhan warga KKM terhadap Tatacara Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah dan Tajaan Dalam Perkhidmatan Awam.	UI	3 tahun (2026-2028)
1.1.4 Mewujudkan dokumen tadbir urus dan pelan latihan bagi pegawai Bahagian Pembangunan untuk Kelulusan Kos Projek: • Mewujudkan Prosedur Operasi Standard bagi memproses permohonan Cabutan Butir-butir Permulaan (<i>Preliminary Detailed Abstract - PDA</i>) / Cabutan Butir-butir Tender (<i>As Tendered Detailed Abstract - ATDA</i>) di Bahagian Pembangunan; dan • Mewujudkan pelan latihan pengurusan peruntukan pembangunan dan pengurusan kos projek untuk pegawai-pegawai Bahagian Pembangunan merangkumi peringkat asas dan peringkat lanjutan.	BPb	3 tahun (2026-2028)

BIDANG KEUTAMAAN

Tatakelola

STRATEGI 1

Menginstitusikan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam penyampaian perkhidmatan.

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2

Meningkatkan kredibiliti organisasi serta modal insan melalui pembudayaan tatakelola baik, integriti dan antirasuah.

INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.2.1 Membangun dan menguatkuasa Garis Panduan Pusingan Kerja (<i>Job Rotation</i>) di Kementerian yang telus dan strategik bagi mengurangkan risiko terhadap salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencegah amalan pilih kasih (<i>favoritisme</i>).	BSM	2 tahun (2026-2027)
1.2.2 Memperkenal dan melaksanakan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) KKM secara strategik bagi melahirkan lebih ramai pegawai akreditasi CeIO di peringkat Kementerian, seterusnya memperkukuh budaya kerja berintegriti di kalangan warga KKM.	UI	3 tahun (2026-2028)
1.2.3 Memperkenal dan melaksanakan penilaian Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) di peringkat Kementerian bagi memberi pengiktirafan kepada Jabatan dalam usaha meningkatkan tahap integriti, tatakelola dan antirasuah secara berterusan, seterusnya memperkukuh pengiktirafan KKM sebagai sebuah Kementerian yang berintegriti tinggi.	UI	3 tahun (2026-2028)
1.2.4 Memperkasa dan meluaskan jangkauan program pemantapan tatakelola, integriti dan antirasuah secara strategik bagi membentuk ekosistem kerja berintegriti tinggi, meningkatkan kesedaran, patuhan terhadap prosedur, serta menginstitusikan daya tahan terhadap risiko salah laku, penyelewengan dan rasuah.	BPKOM	3 tahun (2026-2028)
1.2.5 Meningkatkan hebahan dan kursus kesedaran berkenaan Polisi Keselamatan Siber bagi mengoptimumkan tahap patuhan warga KKM terhadap etika penggunaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi serta ruang siber.	BPM	2 tahun (2026-2027)
1.2.6 Melaksanakan Program Pengukuhan Perkhidmatan Kejuruteraan KKM secara holistik bagi memperkukuh tatakelola dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan kejuruteraan yang berkualiti, beretika dan bebas daripada sebarang unsur salah guna kuasa dan penyelewengan.	BPKj	3 tahun (2026-2028)

BIDANG KEUTAMAAN

Tatakelola

STRATEGI 1

Menginstitusikan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam penyampaian perkhidmatan.

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3

Memantapkan prosedur operasi dan kawalan dalaman bagi meningkatkan kecekapan serta ketelusan dalam perkhidmatan.

INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.3.1 Menambahbaik dan mengemaskini garis panduan bagi setiap program penajaan kemudahan cuti belajar untuk memastikan proses tapisan kelayakan pegawai adalah berdasarkan merit yang telah ditetapkan.	BPL	1 tahun (2026)
1.3.2 Menyediakan prosedur pelaksanaan semakan silang bagi permohonan pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu yang menepati keperluan dan piawaian yang telah ditetapkan.	BSKB	3 tahun (2026-2028)
1.3.3 Mengadakan Moderasi Pemarkahan Kertas Jawapan dan Pengesahan Keputusan Peperiksaan Subjek Jabatan KKM untuk menjamin ketelusan dalam prosedur penilaian peperiksaan di Kementerian.	BPKOM	3 tahun (2026-2028)

BIDANG KEUTAMAAN 2



KEWANGAN



01

STRATEGI



01

**OBJEKTIF
STRATEGIK**



03

INISIATIF

**JANGKA
MASA**

2 TAHUN

01

INISIATIF

3 TAHUN

02

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN

Kewangan

STRATEGI 2

Mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan kewangan dan perolehan.

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Memperkasa integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan serta perolehan melalui pemantapan sistem dan pematuhan tatakelola.

INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
2.1.1 Memperkasa sistem permohonan Tabung Bantuan Perubatan secara atas talian bagi memudahcara dan mengurangkan birokrasi dalam proses pembiayaan bantuan serta menghapuskan risiko penyalahgunaan kuasa atau ketirisan dana dalam pengurusan pembiayaan bantuan.	BPP	2 Tahun (2026-2027)
2.1.2 Melaksanakan Naziran Pematuhan Perakaunan dan Kawalan Terimaan kepada Pusat Tanggungjawab KKM bagi memastikan proses kewangan dilaksanakan mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan.	BA	3 tahun (2026-2028)
2.1.3 Melaksanakan Kursus Pemantapan Pengurusan Perolehan Kerajaan kepada pegawai di Bahagian Perolehan dan Penswastaaan bagi memberikan panduan serta pendedahan berhubung tatacara dan integriti dalam perolehan Kerajaan.	BPPs	3 tahun (2026-2028)

BIDANG KEUTAMAAN 3



PENGUATKUASAAN



01

STRATEGI



01

OBJEKTIF
STRATEGIK



06

INISIATIF

JANGKA
MASA

1 TAHUN

01

INISIATIF

2 TAHUN

01

INISIATIF

3 TAHUN

04

INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN

STRATEGI 3

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

Penguatkuasaan

Memperkuh akauntabiliti dan profesionalisme dalam penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan.

Memperkuh kecekapan dan tatakelola aktiviti penguatkuasaan dan pelesenan perkhidmatan kesihatan melalui pemantapan prosedur kerja dan pemanfaatan sistem secara bersepadu.


INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
3.1.1 Mengkaji dan menambah baik Prosedur Operasi Standard bagi Penyediaan Kertas Siasatan di bawah Program Kesihatan Pergigian secara menyeluruh bertujuan untuk mengukuh tatakelola, meningkatkan ketelusan dan merendahkan risiko ketirisan integriti dalam proses penguatkuasaan.	Program Kesihatan Pergigian	1 tahun (2026)
3.1.2 Membangunkan Prosedur Operasi Standard yang komprehensif bagi Proses Siasatan dan Pendakwaan di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan mengukuhkan kecekapan dalam penguatkuasaan.	BSKB	2 tahun (2026-2027)
3.1.3 Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan permohonan dalam talian yang bersepadu bagi semua urusan permohonan lesen, permit, dan kebenaran di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, dengan matlamat untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan farmasi.	Program Perkhidmatan Farmasi	3 tahun (2026-2028)
3.1.4 Membangunkan sistem pendaftaran digital sepenuhnya bagi produk merokok ke dalam pembangunan sistem electronic <i>National Centre for Disease Control</i> (eNCDC) bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam proses penilaian dan kelulusan produk.	BKP	3 tahun (2026-2028)

INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
3.1.5 Memperkukuh Garis Panduan Penguatkuasaan dan Pendakwaan bagi tujuan membolehkan pelaksanaan tindakan kawalselia yang lebih konsisten, berasaskan risiko, serta selaras dengan kehendak perundangan.	BKRP	3 tahun (2026-2028)
3.1.6 Mengkaji dan menambahbaik mekanisme pemantauan bagi proses pensijilan Program Jaminan Keselamatan Makanan, proses semakan pelabelan Perkhidmatan Khidmat Nasihat Teknikal (label makanan/iklan) serta proses perlesenan air minuman.	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan	3 tahun (2026-2028)



Pelan Tindakan Mengikut
Bidang Keutamaan

SOROTAN PELAN ANTIRASUAH KKM 2021-2025



4

Inisiatif Pelan Antirasuah KKM 2021-2025 Yang Diteruskan di bawah Pelan Pencegahan Rasuah KKM 2026-2028

- | 01 | 02 | 03 | 04 |
|--|--|---|--|
| 3.1.1 - Mengkaji, menambah baik dan menyeragam garis panduan/SOP aktiviti penguatkuasaan | 3.1.2 - Memastikan tahap kompetensi pegawai penguatkuasa adalah pada tahap yang tertinggi melalui <i>on job training</i> . | 4.1.1 - Memperkenalkan arahan tapisan integriti dalam pemilihan jawatan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi agensi/syarikat di bawah seliaan KKM | 4.1.2 - Memastikan badan berkanun dan syarikat di bawah seliaan KKM untuk mempunyai Pegawai Integriti Bertauliah (<i>Certified Integrity Officer - CeIO</i>) dalam organisasi. |



“

*Kerajaan MADANI akan
meneruskan usaha untuk memperkukuh
integriti dan akauntabiliti
(pertanggungjawaban), mempertingkatkan
kecekapan penyampaian perkhidmatan awam
serta memantapkan pengurusan fiskal.*

”

- Ucapan Pembentangan Rancangan Malaysia
Ke-13 Tahun 2025 Oleh YAB Perdana Menteri
di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia

BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

MEKANISME PELAKSANAAN, PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

PERINGKAT KHAS KABINET

Pengerusi:
YAB Perdana Menteri

Urus Setia:
SPRM

01

**Jawatankuasa Khas
Kabinet Tatakelola
Nasional (JKKTN)**

- Memperaku laporan pemantauan dan penilaian NACS
- Mengabsahkan dasar
- Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan Nasional

PERINGKAT KHAS KEBANGSAAN

Pengerusi:
Ketua Setiausaha
Negara

Urus Setia:
SPRM

02

**Jawatankuasa
Tatakelola (JTK)
Kebangsaan**

- Mengesyorkan dasar
- Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi
- Mengenalpasti penyelesaian terbaik peringkat Kebangsaan

**PERINGKAT
KEMENTERIAN**

Pengerusi:
Ketua Setiausaha

Urus Setia:
Unit Integriti

03

**Jawatankuasa
Tatakelola (JTK) KKM**

- Mesyuarat suku tahunan
- Meneliti laporan pemantauan dan penilaian OACP KKM
- Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan KKM

Pengerusi:
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Urus Setia:
Unit Integriti

04

**Jawatankuasa
Penyelarasan Prestasi
Pelan Antirasuah KKM**

- Mesyuarat dwitahunan
- Memantau status pelaksanaan OACP
- Membuat penilaian kualitatif dan kuantitatif terhadap pelaksanaan inisiatif OACP KKM
- Mengesyorkan usul penambahbaikan kepada JTK KKM


Pengerusi:
TKPK/SUB/
Pengaruh

Urus Setia:
Penyelaras OACP

05

**Program/
Bahagian/ Unit**

- Menyediakan pelan tindakan/ aktiviti bagi setiap inisiatif
- Memastikan inisiatif dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan
- Mengemukakan pelaporan pelaksanaan secara berkala kepada urus setia OACP KKM



Mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan, dan penilaian di KKM, disusun melalui tiga peringkat utama. Ketua Jabatan dan Penyelaras OACP di peringkat Program/Bahagian/Unit bertanggungjawab untuk memastikan supaya inisiatif OACP dilaksanakan mengikut perancangan dan mengemukakan pelaporan secara berkala.

Jawatankuasa Penyelarasan Prestasi Pelan Antirasuah KKM akan bermesyuarat secara dwitahunan untuk memantau dan menilai status pelaksanaan inisiatif, seterusnya melaporkan serta mengangkat pengesyoran kepada Jawatankuasa Tatakelola (JTK) KKM. Selaku badan tadbir urus, JTK akan meneliti laporan pemantauan dan penilaian, serta membuat keputusan strategik selaras dengan kepentingan Kementerian. Kedua-dua jawatankuasa ini diurussetiakan oleh UI KKM.



BAB 4

PENUTUP



KESIMPULAN

Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028 mengandungi strategi dan tindakan yang komprehensif bagi memperkukuh tatakelola dan pembudayaan integriti di kalangan warga KKM. Pewujudan Pelan ini disasarkan dapat membentuk KKM sebagai sebuah organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi seterusnya mengekalkan budaya kerja yang cemerlang.

Sebagai langkah ke hadapan, inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan ini akan sentiasa dipantau dan dinilai, agar pelaksanaannya kekal selari dengan visi Kementerian iaitu **“Toleransi Sifar Terhadap Rasuah”**.

Justeru, komitmen secara kolektif dan konsisten daripada setiap peringkat warga KKM amat diperlukan bagi memastikan Pelan Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028, kekal relevan dan menepati hasrat Kerajaan MADANI.



Penghargaan

ANGGOTA PENTADBIRAN

YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad
Menteri Kesihatan

YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni
Timbalan Menteri Kesihatan

PENGURUSAN TERTINGGI

YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad
Ketua Setiausaha

YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab
Ketua Pengarah Kesihatan

YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan)

YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha
(Kewangan)

YBhg. Dato' Indera Dr. Nor Azimi binti Yunus
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perubatan)

YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal)

Dr. Ismuni bin Bohari
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)

Dr. Fauziah Binti Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Pergigian)

Dr. Azuana Binti Ramli
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perkhidmatan Farmasi)

Ts. Zailina binti Abdul Majid
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Keselamatan dan Kualiti Makanan)

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH

YBhg. Datin Paduka Roslinah binti Md Jani
Setiausaha Kanan Bahagian Pembangunan

YBhg. Dato' Noor Azman bin Abdul Rahman
Setiausaha Bahagian Sumber Manusia

YBhg. Dato' Dr. Mohd Azman bin Yacob
Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan

YBhg. Dato' Dr. Norsiah binti Ali
Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga

YBhg. Datuk Mohd Fauzee bin Abd Majid
Setiausaha Bahagian Perolehan Dan Penswastan

YBhg. Datin Suriani binti Abdul Rahman
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Dr. Enna binti Mohd Hanafiah
Pengarah Bahagian Perancangan

Dr. Noraryana binti Hassan
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Zulhizzam bin Hj. Abdullah
Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Dr. Hirman bin Ismail
Pengarah Bahagian Amalan Perubatan

Dr. Goh Cheng Soon
Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari

En. Dhanesh Kumar a/l Danesekaran
Setiausaha Bahagian Kewangan

Pn. Emillia Rosnizar binti Ahmad Hanipiah
Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan

En. Amir Onn bin Mustapha
Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi

Pn. Rosnina binti Yaacob
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

Pn. Rohayati binti Ramli
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

Pn. Nurhuda binti Harun
Setiausaha Bahagian Akaun

En. Muhamad Fade'li bin Abdul Shukor
Setiausaha Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa

Ir. Ts. Huszian bin Husin
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

En. Bazli bin Sapiin
Pengarah Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

Pn. Suraiya binti Syed Mohamed
Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan

Cik Rusidah binti Selamat
Pengarah Bahagian Pemakanan

Pn. L. Mageswary a/p Lapchmanan
Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Tn. Hj. Mohd Serjana bin Ibrahim
Ketua Audit Dalam

Tn. Hj. Abdul Razak bin Deraof
Ketua Unit Integriti

Pn. Gowry a/p Narayanan
Pengarah Bahagian Kejururawatan

Dr. Musalnizan binti Mustalkah
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Haznita binti Zainal Abdiin

Timbalan Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Kesihatan Pergigian

Pn. Nurhairani binti Abdul Latif

Timbalan Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi

Pn. Siti Hamiza binti Abdul Halim

Timbalan Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Dr. Fuad Ridha bin Mahabot

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dr. Huzaifah binti Hussin

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pn. Ng Suk Kuan

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari

En. Nik Muhd Hasbi bin Nik Daud

Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pembangunan

En. Nor Azrin Azrul bin Azizi

Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Latihan

En. Zulhilmie bin Anwar

Jurutera (Awam)
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

Pn. Suriyati binti Abdullah

Pegawai Kesihatan Persekitaran
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Dr. Nurhayati binti Jamaludin

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan

En. Abul Hisyam bin Anuar

Juruaudit
Cawangan Audit Dalam

Pn. Nurmazaina binti Md Ariffin

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

En. Firdaus bin Mohd Idris

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

Pn. Siti Munirah binti Mohd Ramli

Akauntan
Bahagian Akaun

Pn. Subashini a/p Panchanathan

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Maklumat

En. Azlan bin Abdullah

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Khidmat Pengurusan

Pn. Amiratul Hidayah binti Ahmad

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Perolehan & Penswastan

En. Paramjothy a/l Muthuvelu

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa

En. Ahmad Razaly bin Abdul Rahim

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kewangan

Pn. Saibiah @ Salbiah binti Sindot

Penolong Pengarah Kanan Kejururawatan
Bahagian Kejururawatan

En. Mohd Saifi bin Mohd Suhaimi

Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Pn. Lenny Haslinda binti Hassan

Pegawai Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Korporat

En. Mohamad Mudanoran bin Mohamad Mushaari

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pendidikan Kesihatan

En. Muhammad Azwan bin Kamaruddin

Pegawai Sains (Pemakanan)

En. Zafuan bin Mohd Azmi

Pegawai Kesihatan Persekitaran
Program Keselamatan & Kualiti Makanan

En. Muhammad Nurhilman bin Sharikan

Pegawai MyStep
Bahagian Pembangunan Kompetensi

Pn. Norizah binti Mansor

Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Unit Integriti

Pn. Nurdalila binti Ahamad

Ketua Penolong Setiausaha
Unit Integriti

Cik Siti Hasmiza binti Mahassan

Ketua Penolong Setiausaha
Unit Integriti

Cik Nur Zaina binti Mohd Nasser

Penolong Setiausaha Kanan
Unit Integriti

En. Muhammad Shaqif bin Syed Jamaludin

Penolong Setiausaha
Unit Integriti

KONSULTAN

Pn. Munah binti Abdul Aziz

Institut Integriti Malaysia

En. Abdul Rahman bin Abdullah

Institut Integriti Malaysia

SEKRETARIAT

Cik Azearahah binti Yusoff

Ketua Penolong Setiausaha
Seksyen Tadbir Urus, Unit Integriti

En. Idzam Fahmi bin Mahpul

Penolong Setiausaha Kanan
Seksyen Tadbir Urus, Unit Integriti

Pn. Siti Aisyah Akhbar

Pegawai MyStep
Seksyen Tadbir Urus, Unit Integriti

Pn. Masyitah binti Mohamad

Pembantu Tadbir
Seksyen Tadbir Urus, Unit Integriti

BENGKEL PENILAIAN RISIKO RASUAH DAN PEMBANGUNAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 2026-2028

28 Julai - 1 Ogos 2025



Lensa Bengkel Penilaian Risiko Rasuah Dan
Pembangunan Pelan Pencegahan Rasuah
Kementerian Kesihatan Malaysia 2026-2028

MAJLIS PELUNCURAN PELAN PENCEGAHAN RASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA 2026-2028

19 November 2025



Lensa Majlis Peluncuran Pelan Pencegahan
Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia
2026-2028



"Toleransi Sifar Terhadap Rasuah"